



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PERKASA SKUAD WAJA DALAM KALANGAN KETUA KOMUNITI BANTU CEGAH KEGANASAN TERHADAP WANITA

**BATU PAHAT, 28 JULAI** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) meneruskan inisiatif memperkasakan Skuad Waja melalui Program Semarak Skuad Waja dengan melibatkan ketua-ketua komuniti sebagai sukarelawan bagi meningkatkan lagi kesedaran awam tentang keganasan terhadap wanita.

YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Program Semarak Skuad Waja 2024 negeri Johor bertempat di Hotel Katerina, Batu Pahat. Beliau berkata penubuhan sukarelawan Skuad Waja bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti.

Antara objektif program ialah bagi menyebarkan luas pelaksanaan dan peranan Skuad Waja kepada pemimpin komuniti di peringkat negeri Johor. Program ini menyasarkan penglibatan ketua-ketua komuniti yang akan diberikan pendedahan berkaitan pelaksanaan dan peranan ahli Skuad Waja.

Skuad Waja merupakan agen perubahan dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita bukan sahaja berkaitan dengan perundangan malah mendedahkan mereka dengan ilmu berkaitan modus operandi jenayah

serta tindakan yang perlu diambil. Pendedahan ilmu dan aktiviti ini dapat menjadikan wanita sebagai seorang yang bersifat waja, berdikari, berani dan peka dengan keperluan masyarakat serta saling membantu antara satu sama lain.

Sejak penubuhan Skwad Waja pada tahun 2021 sehingga bulan April 2024, jumlah ahli Skwad Waja adalah seramai **332,840 orang** iaitu **257,638 orang wanita (77.4%)** dan **75,202 orang lelaki (22.6%)**. Bagi negeri Johor sahaja, terdapat seramai **24,232 orang ahli Skwad Waja yang melibatkan seramai 22,130 wanita dan 2,102 lelaki**. Antara program yang sinonim dengan Skwad Waja ialah program psikososial Skwad Waja bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sehingga kini, seramai **72,942 individu telah disantuni di seluruh negara dan bagi negeri Johor, seramai 12,061 invididu yang telah disantuni melalui program psikososial Skwad Waja**.

Terdahulu, peserta program hari ini didedahkan dengan ceramah berkenan Skwad Waja oleh Encik Kee Jia Hong (Penolong Pengarah JPW), Wanita Anti Jenayah oleh ASP Maimunah binti Sujak (PDRM), serta Wanita dan Proses Perundangan yang disampaikan oleh Puan Siti Aishah binti Mohd Rais (peguambela dan peguamcara).

Turut hadir dalam program hari ini ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK M dan YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, wakil-wakil pemimpin masyarakat serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.

**###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
28 Julai 2024**